



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PELAKSANAAN AKTA MAJLIS PERUNDINGAN GAJI NEGARA (PINDAAN) 2025 DAN PERINTAH GAJI MINIMUM 2024

1. Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) ingin memaklumkan bahawa Kerajaan telah mewartakan tarikh permulaan kuat kuasa bagi Akta Majlis Perundingan Gaji Negara (Pindaan) 2025. YB Menteri Sumber Manusia telah menetapkan bahawa pindaan ini akan berkuat kuasa mulai hari ini iaitu 1 Ogos 2025.
2. Melalui pindaan ini, pembayaran gaji minimum semasa diperluas kepada pekerja kontrak perantisan, selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan perlindungan dan kebajikan semua golongan pekerja. Kontrak perantisan adalah merujuk kepada pekerja seseorang majikan yang memperakui akan mengambil orang itu bekerja dan melatih mereka secara sistematik untuk suatu tred. Tempoh latihan adalah di antara enam bulan hingga dua puluh empat bulan dan dalam tempoh tersebut, perantis itu terikat untuk bekerja bersama majikan tersebut
3. KESUMA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada para majikan yang telah lebih awal melaksanakan pembayaran gaji minimum kepada pekerja kontrak perantisan. Bagi majikan yang membayar lebih tinggi daripada kadar gaji minimum, KESUMA ingin mengingatkan bahawa gaji yang telah ditetapkan tidak boleh dikurangkan.

4. Kerajaan juga telah menetapkan tarikh kuat kuasa Perintah Gaji Minimum 2024 iaitu pada hari ini 1 Ogos 2025 bagi pelaksanaan gaji minimum RM1,700 sebulan kepada majikan yang menggajikan kurang daripada lima orang pekerja dan tidak menjalankan aktiviti profesional yang diklasifikasikan di bawah Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020.
5. Sehubungan itu, KESUMA menyeru supaya majikan mematuhi undang-undang berkaitan gaji minimum yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Jabatan Tenaga Kerja Sabah (JTK Sabah) dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTK Sarawak). Majikan yang gagal mematuhi pembayaran gaji minimum, jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan tindakan denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap pekerja.

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)

1 Ogos 2025

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)
Jabatan Tenaga Kerja Sabah
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

AGENSI
Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Human Resources Development Corporation (HRDC)
Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)